

TATACARA PERAKAUNAN BAGI KOS BAIK PULIH ASET

1. Rujukan
Standard Operating Procedures (SOP) Day 2, Module 1 AK5
2. Kriteria Penetapan Kos Baik Pulih Aset
 - a) Meningkatkan kecekapan aset daripada fungsi asal aset semasa pembelian aset dilakukan.
 - b) Meningkatkan kapasiti pengeluaran/penggunaan aset daripada kapasiti asal aset semasa pembelian dilakukan.
 - c) Meningkatkan usia guna aset selepas belanja pengubahsuaian berlaku.
3. Dipertanggungkan di bawah OA30000
 - a) Jika salah satu kriteria penetapan dipatuhi.
 - b) Diiktiraf sebagai perbelanjaan yang dipermodalkan.
 - c) Kos pembaikan perlu ditambah kepada kos ID aset asal.
4. Dipertanggungkan di bawah OA20000
 - a) Tidak memenuhi kriteria penetapan.
 - b) Diiktiraf sebagai belanja.

Contoh 1:

PTJ XYZ berfungsi menjalankan aktiviti penyembelihan haiwan ternakan. PTJ berkenaan menghadapi masalah apabila tempat penyembelihan haiwan ternakan sering diganggu oleh haiwan perosak seperti tikus dan ular. Berikutan itu, PTJ telah memohon peruntukan bagi **menambah baik fungsi asal** bumbung sedia ada dengan menambah ciri-ciri pada bumbung yang boleh memerangkap haiwan perosak.

Bil.	Kriteria	Ya	Tidak	Catatan
1.	Kecekapan aset bertambah daripada fungsi asal aset semasa pembelian aset dilakukan.	√		Fungsi asal bumbung adalah melindungi daripada hujan dan panas. Penambahbaikan telah dibuat dengan wujudnya fungsi tambahan iaitu memerangkap haiwan perosak. Oleh kerana bumbung adalah antara sebahagian struktur bangunan, maka kos pembaikan tersebut yang mana telah menambah baik fungsi asal bumbung perlu dipermodalkan.
2.	Kapasiti pengeluaran/penggunaan aset bertambah daripada kapasiti asal aset semasa pembelian dilakukan.		x	
3.	Penambahan usia guna aset selepas belanja pengubahsuaian berlaku.		x	Bumbung adalah antara sebahagian struktur bangunan. Dengan melakukan pembaikan bumbung, usia guna bangunan tidak akan bertambah.

Catatan:

- Oleh kerana **salah satu kriteria dipenuhi** maka kos pembaikan tersebut **perlu dipermodalkan dan dipertanggungjawabkan di bawah OS32000**.
- Kos pembaikan tersebut perlu direkodkan sebagai kos tambahan kepada ID aset bangunan asal.
- Kos bumbung lama perlu dinyahiktiraf daripada kos asal bangunan dan kos bumbung baharu perlu ditambah kepada ID aset bangunan tersebut.
- Lain-lain kos yang terlibat untuk proses menukar bumbung lama kepada bumbung baharu juga perlu ditambah kepada kos bumbung baharu tersebut.

Contoh 2:

PTJ ABC bercadang untuk membuat pembaikan bumbung pejabat (atap *asbestos*) yang rosak dengan menggantikannya kepada atap *metadec*. Ini kerana atap *metadec* lebih tahan lasak.

Bil.	Kriteria	Ya	Tidak	Catatan
1	Kecekapan aset bertambah daripada fungsi asal aset semasa pembelian aset dilakukan.		x	Fungsi asal bumbung adalah melindungi daripada hujan dan panas. Penambahbaikan yang dibuat bertujuan untuk membaiki atap yang rosak dan mengekalkan fungsi asal iaitu melindungi daripada hujan dan panas meskipun material bumbung telah ditukar dari <i>asbestos</i> kepada <i>metadec</i> . Oleh itu, kos pembaikan tersebut tidak perlu dipermodalkan kepada ID aset bangunan sedia ada.
2	Kapasiti pengeluaran/penggunaan aset bertambah daripada kapasiti asal aset semasa pembelian dilakukan.		x	
3	Penambahan usia guna aset selepas belanja pengubahsuaian berlaku.		x	Bumbung adalah antara sebahagian struktur bangunan. Dengan pembaikan bumbung, usia guna bangunan tidak bertambah.

Catatan :

- (a) Kos pembaikan tersebut **tidak perlu dipermodalkan** kerana pembaikan bumbung tersebut tidak memenuhi kriteria penetapan.
- (b) Perbelanjaan pembaikan tersebut perlu dipertanggungkan di bawah **OS28000**.

Contoh 3:

Kenderaan Ford Ranger pejabat yang dibeli oleh PTJ QRS mengalami masalah enjin. Berikutan itu, PTJ bercadang untuk menukar enjin kenderaan tersebut.

Bil.	Kriteria	Ya	Tidak	Catatan
1	Kecekapan aset bertambah daripada fungsi asal aset semasa pembelian aset dilakukan.		x	Penggantian enjin di bawah kategori dan jenis yang sama akan mengekalkan fungsi asal kenderaan tersebut.
2	Kapasiti pengeluaran/penggunaan aset bertambah daripada kapasiti asal aset semasa pembelian dilakukan.		x	
3	Penambahan usia guna aset selepas belanja pengubahsuaian berlaku.	√		Penukaran enjin baharu akan menambah usia guna kenderaan kerana enjin merupakan komponen utama dan terpenting bagi sesuatu kenderaan.

Catatan :

- (a) Oleh kerana **salah satu kriteria dipenuhi** maka kos penggantian tersebut adalah **perlu dipermodalkan** dan dipertanggungjawabkan di bawah **OS34000**.
- (b) Kos enjin lama perlu dinyahiktiraf daripada kos asal Ford Ranger dan kos enjin baharu ditambah kepada ID aset kenderaan Ford Ranger tersebut.
- (c) Lain-lain kos yang berkaitan dengan proses menukar enjin lama kepada enjin baharu juga perlu ditambah kepada kos enjin baharu tersebut.